

25/03/2003

Amerika tiada hak rujuk undang-undang antarabangsa: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Amerika Syarikat tidak lagi berhak mengungkitkan soal berkaitan undang-undang antarabangsa, urusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan ketetapan Konvensyen Geneva, selepas ia sendiri mencabulinya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, bukan menjadi hak Amerika juga untuk mendesak negara lain supaya menutup kedutaan Iraq dan mengusir keluar rakyat Iraq dari negara masing-masing.

"Amerika sudah tidak ada hak lagi untuk merujuk kepada undang-undang antarabangsa memandangkan Amerika sendiri sudah menolak undang-undang antarabangsa," katanya.

Beliau menegaskan demikian pada sidang media selepas membentangkan usul membantah tindakan ketenteraan secara unilateral (bersendirian) oleh Amerika dan sekutunya ke atas Iraq, di Dewan Rakyat semalam. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir mengulas kenyataan Setiausaha Pertahanan Amerika, Donald Rumsfeld kelmarin bahawa gambar televisyen Iraq menayangkan empat mayat askar Amerika dan lima tahanan yang didakwa rakyat negara itu sebagai satu pencabulan undang-undang antarabangsa mengikut Konvensyen Geneva. Sentimen itu turut disuarakan Jeneral Richard Myers, pengerusi bersama Ketua Turus Tentera.

Perdana Menteri, yang sedang bercuti dua bulan mulai 6 Mac hingga 4 Mei ini, menghadiri sidang Dewan Rakyat semalam bagi membentangkan usul itu, yang kemudiannya diluluskan sebulat suara termasuk menerima sokongan padu pembangkang setelah dibahas oleh 13 ahli.

Ketika berucap selama 28 minit mencadangkan usul itu, Dr Mahathir menerima sekurang-kurangnya 10 tepukan sebagai tanda sokongan daripada barisan penyokong kerajaan dan pembangkang.

Malah, selepas sidang media itu, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa dan ketua pemuda parti itu, Mahfuz Omar muncul dan bersalam dengan Dr Mahathir. "Terima kasih kerana menyokong usul ini," kata Perdana Menteri ketika menyambut salam mereka.

Mengulas lanjut kenyataan Rumsfeld, Dr Mahathir berkata, sudah terlewat bagi Amerika untuk menguatkuasakan satu undang-undang antarabangsa terhadap televisyen Iraq kerana menayangkan gambar itu.

"Anda boleh melihat gambar askar Iraq yang menyerah diri dengan tangan di kepala. Jadi apa salahnya Iraq menunjukkan anggota tentera Amerika yang ditangkap mereka, mereka juga mempunyai hak.

"Agak terlewat bagi Amerika untuk menggunakan undang-undang antarabangsa kerana Amerika sendiri telah menunjukkan sikap tidak hormat terhadap undang-undang antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan negara Berkecuali (NAM) yang dianggotai 116 negara dan bakal memimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini, merayu PBB berbuat sesuatu mendesak Amerika dan sekutunya menghentikan perang dan menarik diri dari Iraq.

Sementara itu, dalam ucapannya Perdana Menteri antara lain menegaskan, apa berlaku di Teluk itu bukan Perang Salib tetapi peperangan kuasa besar Amerika dan Britain terhadap Iraq iaitu negara Islam yang lemah.

"Ia adalah perbuatan imperialis yang masih ingin menguasai dunia. Selepas mencuba serangan ekonomi, mereka susuli pula dengan serangan ketenteraan. Jika negara yang disasar adalah kuat, mereka sudah tentu tidak akan menyerang. Ini adalah sikap pengecut, sikap buli," katanya.

Beliau berkata, tindakan ketenteraan secara unilateral terhadap Iraq melanggar prinsip undang-undang antarabangsa dan piagam PBB serta tidak mempunyai sebab rasional yang boleh diterima sama sekali.

"Amat malang sekali yang mungkir janji adalah negara yang sering mendesak supaya prinsip mesti dijunjung walau apa pun terjadi. Majlis Keselamatan PBB dan PBB itu sendiri diketepikan oleh kuasa besar Amerika Syarikat dan tindakan yang bertentangan dengan Piagam PBB serta segala undang-undang antarabangsa dicampak keluar tingkap oleh negara ini.

"Tindakan unilateral diambil tanpa segan dan malu. Harapkan pagar, pagar yang makan padi," katanya sambil menerima tepukan gemuruh ahli Dewan.

Ini adalah kali kedua Amerika memusnahkan badan antarabangsa dipelopori oleh mereka sendiri untuk mengharamkan perang. Liga Negara-Negara yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Pertama dan PBB yang dibentuk selepas Perang Dunia Kedua, dimusnahkan oleh Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata, negara lain sekarang, terutama negara kecil dan lemah tidak lagi selamat kerana PBB tidak lagi dapat melindungi mereka daripada keganasan kuasa-kuasa besar.

"PBB dan undang-undang antarabangsa sudah tidak bermakna lagi. Kita sudah kembali ke zaman batu yang mana kekuatan menentukan kebenaran. Kita boleh ramal di masa hadapan sempadan negara yang merdeka akan dicabuli sesuka hati oleh kuasa besar.

"Tuduhan boleh dibuat bahawa negara tertentu tidak demokratik, tidak menghormati hak asasi manusia, tidak memberi kebebasan beragama dan pihak yang menuduh akan campur tangan secara langsung untuk menukar kerajaan. Inilah dunia selepas undang-undang antarabangsa dan PBB dimusnahkan.

"Tidak ada lagi "rule of law" kerana mereka yang mencipta slogan ini, mereka sendiri yang mencabulnya. Jika ada sesuatu yang bersifat pemusnah, tindakan mencabul segala prinsip yang menentukan dunia aman dan bebas daripada penindasan, tindakan inilah pemusnah yang besar setelah kuasa terbesar, kuasa nuklear mencabulnya," katanya.

Mengenai Iraq, Dr Mahathir berkata setelah diperiksa dan diselidik berkali-kali, pasukan PBB tidak menemui senjata pemusnah di negara itu. Iraq mungkin menyembunyikannya tetapi langkah itu bukan mudah apatah lagi kuasa besar mempunyai peralatan canggih yang boleh mengesan semua senjata nuklear serta kilang kimia.

"Apakah rakyat Iraq perlu dibunuh untuk mengesan senjata pemusnah yang mungkin tidak ada di Iraq sama sekali? Kononnya Bush dan Blair ingin menyelamatkan orang Iraq. Apakah makna keselamatan bagi rakyat Iraq yang dibunuh?.

"Akhir-akhir ini yang jelas bukanlah mengesan senjata pemusnah milik Iraq tetapi matlamatnya tertukar kepada penyingkiran kerajaan Iraq dan menjayakan objektif strategik Amerika Syarikat dan sekutunya," katanya.

Ketika ditanya dalam sidang media mengenai kegagalan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan untuk melakukan sesuatu menerusi badan dunia itu terhadap Iraq, Dr Mahathir berkata Annan sendiri tidak begitu bebas melakukan tindakan, malah sentiasa menerima tekanan.

Katanya, apa yang perlu dilakukan oleh PBB sekarang ialah untuk menekan Amerika Syarikat supaya menghentikan kempennya dan menarik diri dari Iraq.

Mengenai kemungkinan tindakan Bush dan sekutunya menyerang Iraq hingga ramai orang awam terbunuh atau cedera boleh disifatkan sebagai jenayah perang, Perdana Menteri berkata ketetapan itu hanya boleh dibuat oleh mahkamah dunia.